

TEKS UCAPAN

**YB.DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL PENAJAAN IAEA
KEPADA WAKIL MALAYSIA KE PROGRAM**

***NUCLEAR SCHOOL EXPERIMENTS ON REACTOR PHYSICS AND
NEUTRON APPLICATIONS FOR ASIA-PACIFIC REGION
(NSEAP2015)***

DI

**BILIK GERAKAN,
ARAS 7, BLOK C5, KOMPLEKS C,
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA**

**PADA HARI JUMAAT
10 APRIL 2015
JAM 3.30 PETANG**

Terimakasih tuan pengacaramajlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Muhamad Bin Lebai Juri,

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia,

Prof. Dr. Lubomir Sklenka,

Wakil IAEA

Czech Technical University, Prague, Czech Republic

Tetamu Kehormat,

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi meraikan majlis penutup program *Nuclear School Experiments on Reactor Physics and Neutron Applications for Asia-Pacific Region*. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Agensi Nuklear Malaysia kerana memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya menutup program ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan "Selamat Datang" kepada semua perwakilan.

2. Saya gembira melihat ramai peserta dari negara-negara *Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)*. Ini menunjukkan bahawa rakan-rakan kita dari negara-negara APEC yakin dan mengiktiraf kepakaran Malaysia. Saya difahamkan bahawa saudara-saudari menjalani jadual program yang sangat ketat dalam dua minggu ini. Saya berharap saudara-saudari telah mendapat banyak manfaat daripadanya. Saya juga berharap saudara-saudari selesa berada di Malaysia dan dapat menikmati hospitaliti Malaysia yang sebenar sepanjang program *Nuclear School*.

Tuan-tuandanpuan-puan,

3. Seperti yang semua sedia maklum, *Nuclear School* ini dijalankan selepas ketetapan yang dibuat di mesyuarat penyelarasan *Technical Working Group of Nuclear Power Program* dalam kalangan negara-negara APEC beberapa tahun lalu. Objektif utama *Nuclear School* adalah untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia bagi negara anggota untuk menyokong program tenaga nuklear untuk setiap negara.

4. Program ini adalah satu peluang keemasan untuk negara-negara anggota membina keupayaan sendiri bagi melatih kakitangan dalam bidang kejuruteraan reaktor nuklear dan sains neutron menggunakan reaktor nuklear yang sedia ada di dalam negara-negara APEC. Yang pasti, usaha ini akan meningkatkan penggunaan reaktor penyelidikan sebagai langkah asas untuk memahami tingkah laku reaktor penyelidikan yang lebih besar atau reaktor kuasa nuklear.

5. Saya gembira mendengar bahawa *Nuclear School* ini dianjurkan dengan kerjasama Badan Tenaga Nuklir Nasional (BATAN). Saya juga difahamkan bahawa, peserta mendapat sokongan kewangan dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Terima kasih banyak kepada IAEA dan BATAN dan amat berharap kerjasama teknikal ini akan berterusan demi kebaikan sejagat. Tahniah juga kepada semua peserta yang telah mendapat tajaan.

6. Saya juga berharap program ini akan menjadi satu titik permulaan yang sangat penting bagi APEC untuk menjadi lebih aktif dalam menjalankan aktiviti yang serupa bagi meningkatkan kepakaran kakitangan dalam fizik reaktor dan kejuruteraan nuklear yang kemudiannya boleh mengendalikan reaktor nuklear dengan selamat.

7. Kerjasama antara negara anggota APEC adalah penting dan juga memainkan peranan penting untuk mengekalkan dan berkongsi kejayaan *Nuclear School* pada masa akan datang.

8. Oleh itu, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada IAEA untuk sokongan yang berterusan kepada negara-negara APEC secara umum dan khususnya kepada *Nuclear School* ini. Terima kasih untuk sokongan semua ke arah kejayaan acara ini.

9. Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada IAEA sekali lagi kerana membenarkan Malaysia menjadi tuan rumah kepada *Nuclear School* ini dengan kerjasama Indonesia.

10. Akhir sekali, tahniah kepada pihak penganjur, Agensi Nuklear Malaysia, dan tidak lupa kepada tenaga-tenaga pengajar *Nuclear School*, wakil IAEA dan sekretariat yang menjayakan program Nuclear School ini dengan baik.

11. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini menutup program *Nuclear School Experiments on Reactor Physics and Neutron Applications for Asia-Pacific Region* di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia Putrajaya.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Terimakasih.